Dana ini merujuk kepada pindahan yang akan dibuat kepada Badan Pengurusan Bersama mengikut Akta Bangunan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663). Perubahan dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Tidak boleh diagihkan		
Baki pada awal tahun	276,157	317,476
Pindahan dari keuntungan terkumpul	(276,157)	(6,000)
Tambahan/(Kurangan) dalam tahun:		
Terimaan daripada operasi penyenggaraan	-	1,315,572
Tolak: Perbelanjaan penyenggaraan	-	(1,350,381)
Susutnilai harta tetap	-	(510)
	-	(35,319)
Baki pada akhir tahun	-	276,157

15. PEMIUTANG SEWABELI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Nilai semasa pemiutang sewabeli	-	70,965	-	-
Nilai semasa pemiutang sewabeli:				
Bayaran dalam jangkamasa 12 bulan	-	13,908	-	-
Bayaran dalam jangkamasa melebihi 12 bulan	-	57,057	-	-
	-	70,965	-	-

16. PEMIUTANG PERDAGANGAN

Tempoh bayaran bagi pemiutang perdagangan adalah dalam jangkamasa 30 hingga 90 hari.

17. PELBAGAI PEMIUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai pemiutang	-	446,832	181,784	57,082
Akruan	-	472,915	9,125	432,991
	-	919,747	190,909	490,073

18. JUMLAH TERHUTANG KEPADA KOPERASI INDUK

Koperasi induk adalah Koperasi Shamelin Berhad, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi, 1993.

Jumlah terhutang kepada koperasi induk ini tidak dikenakan sebarang faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang ditetapkan.

19. KERUGIAN DARI OPERASI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012	2011	2012	2011
	RM	RM	RM	RM
Ditolak:				
Yuran juruaudit	-	8,000	2,000	5,000
Ganjaran lembaga pengarah	-	24,200	-	18,400
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	-	50,493	-	10,078
Sewa pejabat	-	59,639	-	57,299
Sewa khemah	-	3,970	-	-
Kos pekerja - Manfaat jangka pendek	-	483,959	-	317,414
Caruman KWSP	-	60,551	-	40,246
Kerugian atas pelupusan pelaburan	-	224	-	224
Faedah sewabeli	-	760	-	760
Kerugian atas pelupusan pelaburan	-	-	16,997	-
Ditambah:				
Pendapatan faedah	-	10,599	-	9,715
Pendapatan sewa	-	19,816	-	9,830
Yuran pengurusan dari syarikat subsidiari	-	-	-	92,400
Keuntungan atas pelupusan asset tetap	-	38,030	-	-
Pelupusan deposit pelaburan	-	-	-	38,030

20. CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Peruntukan dalam tahun	-	-	-	-
Terkurang peruntukan tahun lalu	-	-	-	-
Perbelanjaan cukai	-	-	-	-

Penyata penyesuaian cukai ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Keuntungan sebelum cukai	-	(429,601)	(18,997)	(295,489)
Cukai pada kadar berkanun				
- sehingga RM500,000 pada kadar 20%	-	(85,920)	(3,799)	(59,098)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	-	24,988	3,799	14,185
Penggunaan elaun modal	-	7,491	-	-
Terkurang peruntukan tahun lalu	-	53,441	-	44,913
Perbelanjaan cukai	-	-	-	-

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan dan Syarikat mempunyai elaun modal belum diserap dan kerugian perniagaan belum digunakan yang boleh diselaraskan ke atas keuntungan bercukai masa hadapan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Elaun modal yang belum diserap	-	61,964	-	-
Kerugian perniagaan yang belum digunakan	-	224,565	-	224,565
	-	286,529	-	224,565

Harta cukai tertunda tidak diiktiraf untuk item-item ini kerana kebarangkalian bahawa keuntungan bercukai masa hadapan akan diperolehi untuk membolehkan Kumpulan dan Syarikat mendapat manfaat daripadanya tidak dapat ditentukan.

21. PEMBELIAN LOJI DAN PERALATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Pembelian loji dan peralatan	-	201,165	-	2,748
Tolak : Pembayaran sewa beli	-	(5,035)	-	-
Loji dan peralatan	-	196,130	-	2,748

22. URUSNIAGA PENTING DENGAN SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2012	2011
	RM	RM
Yuran pengurusan	-	94,200

23. URUSNIAGA PENTING DENGAN SYARIKAT BERKAITAN

	Syarikat	
	2012	2011
	RM	RM
Yuran pengurusan projek	-	216,445

24. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan syarikat adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada syarikat bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai serta meningkatkan pulangan.

(b) Risiko Kadar Faedah

Syarikat mempunyai risiko kadar faedah terhadap pinjaman serta simpanan yang dibuat dengan institusi kewangan yang dibenarkan. Pinjaman dan faedah simpanan adalah berasaskan pada kadar faedah tetap.

Pergerakan kadar faedah di pasaran sentiasa diawasi bagi memastikan kadar faedah yang kompetitif dan pengurusan instrumen kewangan yang efektif.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan syarikat. Syarikat terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap pelbagai penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh jawatankuasa pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kecairan atau risiko pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan untuk memenuhi kontrak termaktub di instrumen kewangan manakala risiko aliran tunai adalah risiko ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen kewangan tunai.

(e) Nilai saksama

Adalah tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama ke atas jumlah terhutang oleh/(kepada) syarikat-syarikat subsidiari, syarikat berkaitan dan perbadanan induk disebabkan ketiadaan tempoh tetap bayaran balik.

Nilai dibawa untuk lain-lain aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira- kira menghampiri nilai saksama masing- masing.

Difailkan oleh:

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur.

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
HASIL KENDALIAN		
Yuran pengurusan projek	-	216,446
TOLAK: KOS KENDALIAN		
Tolak kendalian	-	-
UNTUNG KASAR	-	216,446
LAIN - LAIN PENDAPATAN		
Pendapatan faedah	-	9,715
Pendapatan sewa	-	9,830
Deposit dihapuskan	-	-
Pendapatan denda lewat bayar	-	606
Pendapatan pentadbiran	-	7,750
Keuntungan atas pelupusan	-	38,030
Yuran pengurusan dari syarikat subsidiari	-	92,400
	-	158,331
TOLAK:		
Perbelanjaan Operasi	-	597,814
Lain-Lain Perbelanjaan	18,997	72,452
	18,997	670,266
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(18,997)	(295,489)
Perbelanjaan Operasi		
Bayaran gaji	-	317,414
Caj pengiklanan	-	1,000
KWSP dan PERKESO	-	40,246
Ganjaran persaraan	-	51,811
Bayaran perubatan	-	5,215
Alatulis dan percetakan	-	10,601
Elektrik dan air	-	13,470
Kebajikan pekerja	-	3,027
Keraian	-	3,600
Insurans pejabat dan bangunan	-	1,670
Insurans pekerja	-	8,920
Surat khabar dan majalah	-	920
Penyelenggaraan pejabat	-	6,682
Penyelenggaraan komputer	-	260
Perbelanjaan perjalanan	-	41,846
Sewa pejabat	-	57,299
Pos penghantaran cepat	-	1,734
Telefon	-	13,359
Ganjaran lembaga pengarah	-	18,400
Penyelenggaraan hartanah, loji dan peralatan	-	340
	-	597,814

PENYATA PENDAPATAN TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
Lain - lain Perbelanjaan		
Yuran juruaudit	2,000	5,000
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	-	10,078
Bayaran bank	-	127
Yuran setiausaha	-	12,000
Kerugian ke atas pelupusan aset tetap	-	224
Kerugian ke atas pelupusan pelaburan	16,997	-
Yuran jururunding cukai	-	2,400
Denda dan penalti	-	200
Yuran guaman	-	42,023
Yuran keahlian dan sumbangan	-	400
	18,997	72,452

KSB SELENGGARA SDN. BHD. (361504 M)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Haji Md. Akib bin Hashim
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan
Haji Mahmood @ Shamsuddin bin Mohd Saleh

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-5, Shamelin Business Centre,
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur

ALAMAT PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Tetuan A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

BANK

RHB Bank Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ialah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan utama Syarikat di sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Keuntungan tahun semasa	14,443

DIVIDEN

Tiada dividen telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat dalam tahun berakhir 31 Disember 2012.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas :

Hajah Zainab bt Haji Abu	(Meletak jawatan : 14/09/2012)
Adnan bin Salleh	(Meletak jawatan : 14/09/2012)
Yazid bin Ismail	(Meletak jawatan : 14/09/2012)
Haji Md. Akib bin Hashim	(Dilantik : 14/09/2012)
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	(Dilantik : 14/09/2012)
Haji Mahmood @ Shamsuddin bin Mohd Saleh	(Dilantik : 01/10/2012)

Persaraan dan perlantikan semula para pengarah adalah berasaskan Tataurusan Syarikat.

MANFAAT PARA PENGARAH

Semasa dan pada akhir tahun kewangan tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Syarikat dengan perkara-perkara yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi faedah-faedah dengan cara memiliki saham-saham atau debentur di dalam Syarikat atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima sebarang faedah (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang diterima atau yang diterima oleh pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap yang diterima oleh pekerja sepenuh masa syarikat) berdasarkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau dengan Syarikat lain yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah syarikat lain di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dinyatakan menurut seksyen 169(8) Akta Syarikat, 1965.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar yang perlu disimpan dibawah seksyen 134 Akta Syarikat 1965, tiada Pengarah yang memegang sebarang saham di dalam syarikat pada akhir tempoh kewangan.

PERBADANAN INDUK UTAMA DAN SYARIKAT INDUK

Syarikat induk ialah Gemar Kurnia Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan perbadanan induk utama ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

HUTANG RAGU DAN HUTANG LAPUK

(a) Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tindakan untuk menghapuskira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu yang berkaitan telah diambil, dan memastikan segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira serta peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu telah dibuat.

(b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang kemungkinan yang menjadikan amaun yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau amaun yang diperuntukan bagi hutang ragu bagi Syarikat tidak mencukupi kepada sebarang peringkat yang tinggi.

ASET SEMASA

(a) Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada sebarang aset semasa, selain hutang, nilainya tidak mungkin dapat direalisasikan mengikut cara biasa perniagaan Syarikat seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat malah ada kalanya apabila pasti, telah dicatatkan mengikut amaun yang seharusnya direalisasikan.

(b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang hal yang akan menyebabkan penilaian aset semasa di dalam akaun Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang hal yang timbul yang menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pemindahan ketara sama ada keluar daripada atau masuk kepada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan selain dari yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

MODAL SAHAM

Tiada sebarang saham diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

(i) Sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan liabiliti mana-mana orang atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan Syarikat yang tertimbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, tidak ada sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau yang berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan yang menyusul yang dengan ketaranya akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya pada atau apabila sampai masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang belum diambil kira di dalam laporan ataupun penyata kewangan yang jika keadaan ini wujud boleh menjadikan mana-mana jumlah tercatat di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

BUTIRAN LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat pada akhir tahun kewangan tidak terjejas dengan akibat sebarang perkara, urusan atau kejadian yang penting dan luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak terdapat sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang pada pendapat para pengarah boleh menjejaskan dengan secara ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya.


JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan A. Razak & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,



HAJI MD. AKIB BIN HASHIM
Pengarah



HAJI MAHMOOD @ SHAMSUDDIN
BIN MOHD SALEH
Pengarah

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 Mac 2013

KENYATAAN PARA PENGARAH
Menurut Peruntukan Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, HAJI MD. AKIB BIN HASHIM dan MAHMOOD @ SHAMSUDDIN BIN MOHD SALLEH, dua orang daripada para Pengarah KSB SELENGGARA SDN. BHD., menyatakan bahawa, pada pendapat para -Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 87 hingga 97 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 DISEMBER 2012 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,

HAJI MD. AKIB BIN HASHIM
Pengarah

HAJI MAHMOOD @ SHAMSUDDIN
BIN MOHD SALLEH
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 22 Mac 2013

AKUAN BERKANUN
Menurut Peruntukan Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, HAJI MD. AKIB BIN HASHIM, Pengarah yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan KSB SELENGGARA SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 87 hingga 97, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan)
sesungguhnya oleh penama)
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan)
pada 22 Mac2013)

HAJI MD. AKIB BIN HASHIM

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur.

PESURUHJAYA SUMPAH
W.490
S. ARULSAMY
MALAYSIA

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants

51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax: 03-92853870, 92853871
E-mail: arnd@tm.net.my
arazakco@streamyx.com
Website: www.arazaknco.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI KSB SELENGGARA SDN. BHD. (361504 M)

(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Ke Atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan KSB SELENGGARA Sdn. Bhd. merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2012, penyata pendapatan dan penyata perubahan pada ekuiti, penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta lain-lain nota yang dibentangkan di muka surat 87 hingga 97.

Tanggungjawab Pengarah Ke Atas Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyata yang ketara sama ada daripada penipuan atau kesilapan; memilih dan melaksanakan prinsip-prinsip perakaunan yang bersesuaian; dan menyediakan anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah dalam sesuatu perkara.

Tanggungjawab Juruaudit

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan yang bebas, berdasarkan audit yang dijalankan ke atas penyata kewangan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu pengauditan meliputi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dikenalpasti adalah bergantung kepada penilaian kami termasuk penilaian ke atas risiko salahnyata penyata kewangan yang ketara sama ada kesan daripada penipuan atau kesilapan. Ketika penyediaan penilaian risiko, kami memberi pertimbangan ke atas kawalan dalaman yang bersesuaian untuk penyediaan dan persembahan penyata kewangan syarikat untuk menyediakan prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan tetapi bukan bertujuan untuk memberi pandangan ke atas keberkesanan kawalan dalaman syarikat. Pengauditan juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip penyata kewangan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengarah-Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah untuk kami memberikan pendapat.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan syarikat pada 31 DISEMBER 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Penekanan Isu

Tanpa mensyaratkan pandangan kami, kami mengarahkan perhatian kepada nota 2 di dalam penyata kewangan yang menyatakan syarikat telah menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usaha berterusan kerana pada 31 Disember 2012, dana pemegang saham syarikat adalah dalam keadaan negatif RM 24,033 dan liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasanya sebanyak RM 96,441 yang mana ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian material yang mungkin memberi kesan terhadap keupayaan syarikat untuk meneruskan operasinya.

Laporan Ke Atas Lain-Lain Perundangan Dan Keperluan Ketetapan

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia kami melaporkan bahawa pada pandangan kami penyata kewangan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Penyata ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham syarikat, sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO.
No. : AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD. RAZAK BIN HAJI NAZAH DIN
1522/03/14(J/PH)
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh : 22 Mac 2013

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	4	119,756	160,172
Aset Semasa			
Penghutang perniagaan	5	443,130	440,580
Pelbagai penghutang	6	179,045	170,215
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	7	7,900	7,900
Cukai terlebih bayar		7,996	6,400
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	8	36,516	35,393
Tunai di tangan dan di bank	9	244,933	133,500
		919,520	793,988
JUMLAH ASET		1,039,276	954,160
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	10	10,000	10,000
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan	11	68,067	276,157
Kerugian terkumpul		(102,100)	(117,080)
		(24,033)	169,077
Liabiliti Bukan Semasa			
Pemiutang sewabeli	12	47,348	57,057
Liabiliti Semasa			
Pemiutang perniagaan	13	68,245	40,636
Pelbagai pemiutang dan akruan	14	564,636	427,423
Pemiutang sewabeli	12	13,908	13,908
Jumlah terhutang kepadabadan induk	15	119,060	-
Jumlah terhutang kepada syarikat induk	16	-	132,389
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	7	250,112	113,025
Wang tertahan		-	645
		1,015,961	728,026
JUMLAH LIABILITI		1,063,309	785,083
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,039,276	954,160

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
Hasil kendalian	17	225,600	225,600
Lain -lain pendapatan		1,769	11,256
Perbelanjaan operasi		(209,886)	(368,827)
Keuntungan/(Kerugian) dari operasi	18	17,483	(131,971)
Kos kewangan	19	(3,040)	(760)
Kerugian sebelum cukai		14,443	(132,731)
Cukai	20	-	-
Keuntungan/(Kerugian) tahun semasa		14,443	(132,731)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Modal Saham RM	Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan RM	(Kerugian)/ Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2011	10,000	317,476	15,651	343,127
Kurangan tahun semasa	-	(41,319)	-	(41,319)
Kerugian tahun semasa	-	-	(132,731)	(132,731)
Baki pada 31 Disember 2011	10,000	276,157	(117,080)	169,077
Pelarasan tahun lepas	-	-	537	537
Kurangan tahun semasa	-	(208,090)	-	(208,090)
Keuntungan tahun semasa	-	-	14,443	14,443
Baki pada 31 Disember 2012	10,000	68,067	(102,100)	(24,033)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai		14,443	(132,731)
Pelarasan ke atas:			
Susutnilai loji dan peralatan		40,416	40,415
Faedah diterima		(1,123)	(884)
Faedah sewabeli		3,040	760
Pelarasan tahun lepas		537	
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		57,313	(92,440)
(Penambahan) / Pengurangan dalam penghutang perniagaan		(2,550)	19,858
Penambahan dalam pelbagai penghutang		(8,830)	(20,369)
Penambahan pemiutang perniagaan		27,609	4,649
Penambahan pelbagai pemiutang		137,213	112,084
Penambahan jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan		137,087	-
Penambahan jumlah terhutang kepada badan induk utama		119,060	-
(Pengurangan)/ Penambahan jumlah terhutang kepada syarikat induk		(132,389)	71,516
Pengurangan wang tertahan		(645)	-
Pengurangan kumpulan wang penyelenggaraan bangunan		(208,090)	(41,319)
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi		125,778	53,979
Faedah diterima		1,123	884
Bayaran cukai		(1,596)	(1,412)
Faedah dibayar		(3,040)	(760)
Aliran bersih tunai diperolehi dari aktiviti operasi		122,265	52,691
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Belian loji dan peralatan	21	-	(197,907)
Pembayaran untuk sewa beli		(9,709)	
Aliran bersih tunai diperolehi dari aktiviti pelaburan		(9,709)	(197,907)
PENINGKATAN /(PENGURANGAN) BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		112,556	(145,216)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		168,893	314,109
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN		281,449	168,893
Diwakili oleh : -			
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen		36,516	35,393
Wang di bank dan di tangan		244,933	133,500
		281,449	168,893

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat ialah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan. Perubahan penting tidak berlaku di dalam kegiatan tersebut dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan penyata kewangan pada 22 Mac 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Pada 31 Disember 2012, Syarikat mempunyai tanggapan semasa bersih dan kurangan dalam ekuiti pemegang saham masing-masing sebanyak RM 24,033. Kebolehan syarikat untuk meneruskan operasinya adalah tertakluk kepada sokongan kewangan berterusan daripada syarikat induk dan koperasi induk utama.

3. POLISI PERAKAUNAN

(a) Loji dan peralatan

Loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos sejarah tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garisan lurus berasaskan usia guna tersebut pada kadar berikut :-

Perabot dan kelengkapan	20%
Komputer	20%
Peralatan	20%
Ubahsuai	20%
Kenderaan	20%

(b) Rosotnilai harta

Loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

(c) Pengiktirafan pendapatan

i) Hasil dari perkhidmatan penyenggaraan

Hasil dari perkhidmatan penyenggaraan diiktiraf mengikut asas akruan selepas perkhidmatan diberikan dan diakaunkan ke Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan.

ii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan.

iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(d) Pelaburan

Pelaburan dalam saham-saham yang disebutharga yang dipegang sebagai pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos kecuali jika terdapat rosotnilai yang kekal di mana elaun telah dibuat.

Pendapatan yang diterima dari pelaburan dimasukkan ke penyata pendapatan berdasarkan perolehan.

(e) Penghutang

Hutang-hutang dianggap tidak dapat dikutip telah dihapuskan manakala elaun yang telah dibuat untuk penghutang yang mana kutipannya diragukan.

(f) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

(g) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh lembangan Imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunkan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

(h) Penyata Aliran Tunai

Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunainya.

Tunai dan persamaan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank yang sedia ada untuk ditukarkan kepada jumlah tunai yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(i) Pemiutang sewa beli

Harta-harta yang dibiayai melalui perjanjian sewabeli yang pada asanya memindahkan risiko dan faedah pemilihan harta kepada syarikat telah dipermodalkan di bawah harta tetap. Ianya disusutnilaikan menurut dasar yang dinyatakan di Nota 3(a). Harta dan tanggungan pajakan berkaitan, dicatat pada nilai muka harta pajakan pada permulaan tempoh pajakan masing-masing. Tanggungan belum bayar dimasukkan ke dalam penyata kewangan sebagai liabiliti selepas tolak perbelanjaan kewangan.

(j) Manfaat Pekerja Syarikat

i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan syarikat. Ketakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

ii) Pelan caruman yang ditetapkan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen Negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ditanggung.

4. LOJI DAN PERALATAN

KOS	Perabut dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Peralatan RM	Ubahsuai RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
Baki pada 1.1.2012	1,200	5,658	107,756	18,550	103,274	232,408
Tambahan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31.12.2012	1,200	5,658	107,756	18,550	103,274	232,408
SUSUTNILAI TERKUMPUL						
Baki pada 1.1.2012	1,200	2,104	41,397	10,910	20,655	72,236
Pertambahan	-	1,132	16,719	1,910	20,655	40,416
Baki pada 31.12.2012	1,200	3,236	58,116	12,820	41,310	112,652
NILAI BUKU BERSIH						
Pada 31.12.2012	-	2,422	49,640	5,730	61,964	119,756
Pada 31.12.2011	-	3,554	66,359	7,640	82,619	160,172
Susutnilai tahun 2011	-	1,132	17,228	1,910	20,655	40,925

5. PENGHUTANG PERNIAGAAN

Tempoh bayaran bagi penghutang adalah dalam jangkamasa 30 hingga 90 hari.

6. PELBAGAI PENGHUTANG

	2012 RM	2011 RM
Deposit	13,845	13,845
Pelbagai penghutang	165,200	156,370
	179,045	170,215

7. JUMLAH TERHUTANG OLEH/KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan ini tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap, tidak bercagar dan tidak dikenakan faedah.

8. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah yang diperolehi dari simpanan tetap tersebut adalah di antara 3.2% hingga 3.3% (2011 : 3.2% -3.3%) setahun.

9. TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	2012 RM	2011 RM
Diwakili oleh : -		
Wang di bank	243,933	132,500
Wang di tangan	1,000	1,000
	244,933	133,500

10. MODAL SAHAM

	2012 RM	2011 RM
DIBENARKAN:		
100,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	100,000	100,000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR SEPENUHNYA		
10,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	10,000	10,000

11. KUMPULAN WANG PENYENGGARAAN BANGUNAN

Kumpulan Wang ini merujuk kepada pindahan yang akan dibuat kepada Perbadanan Pengurusan mengikut Akta Bangunan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Perubahan dalam tahun semasa adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Tidak boleh diagihkan		
Baki pada awal tahun	276,157	317,476
Pindahan dari keuntungan terkumpul	-	(6,000)
Tambahan dalam tahun:		
Terimaan daripada operasi penyenggaraan	1,338,142	1,315,572
Tolak: Perbelanjaan penyenggaraan	(1,546,232)	(1,350,381)
Susutnilai harta tetap	-	(510)
	208,090	(35,319)
Baki pada akhir tahun	68,067	276,157

12. PEMIUTANG SEWABELI

	2012 RM	2011 RM
Nilai semasa pemiutang sewabeli	61,256	70,965
Nilai semasa pemiutang sewabeli:		
Bayaran dalam jangkamasa 12 bulan	13,908	13,908
Bayaran dalam jangkamasa melebihi 12 bulan	47,348	57,057
	61,256	70,965

13. PEMIUTANG PERNIAGAAN

Tempoh bayaran bagi pemiutang perniagaan adalah dalam jangkamasa 30 hingga hingga 90 hari.

14. PELBAGAI PEMIUTANG

	2012 RM	2011 RM
Pelbagai pemiutang	408,039	384,540
Akruan	142,487	37,673
Deposit belum terima	14,110	5,210
	564,636	427,423

15. HUTANG KEPADA BADAN INDUK UTAMA

Hutang kepada perbadanan induk utama, Koperasi Shamelin Berhad merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

16. JUMLAH TERHUTANG OLEH/KEPADA SYARIKAT INDUK

Syarikat induk adalah Gemar Kurnia Sdn Bhd (2011: KSB Hartanah Sdn. Bhd.), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1965.

Jumlah terhutang kepada syarikat induk tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap, tidak bercagar dan tidak dikenakan faedah.

17. HASIL KENDALIAN

Yuran pengurusan yang dikenakan untuk khidmat penyelenggaraan bangunan-bangunan.

18. KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) DARI OPERASI

Keuntungan / (Kerugian) dari operasi adalah selepas mengambilkira perkara-perkara berikut:

	2012 RM	2011 RM
Ditolak:		
Susutnilai loji dan peralatan	40,416	40,415
Ganjaran pengarah	10,200	5,800
Yuran juruaudit	1,000	2,000
Yuran pengurusan kepada syarikat induk	-	92,400
Yuran pengurusan kepada perbadanan induk utama	120,000	-
Sewa pejabat	2,340	2,340
Kos kakitangan – manfaat jangka pendek	-	166,545
Caruman KWSP	-	20,305
Sewa khemah	230	3,970
Ditambah:		
Pendapatan faedah	1,123	884

19. KOS KEWANGAN

	2012 RM	2011 RM
Faedah sewa beli	3,040	760

20. CUKAI

	2012 RM	2011 RM
Kurangan peruntukan tahun lalu	-	-

Penyata penyesuaian cukai dibuat ke atas keuntungan/(kerugian) sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Kerugian sebelum cukai	14,443	(132,731)
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia:		
- sehingga RM500,000 pada kadar 20%	2,889	(26,546)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	8,123	10,803
Kurangan peruntukan tahun lalu	-	7,481
Kesan cukai ke atas penggunaan elaun modal yang belum diserap	(11,012)	8,262
Perbelanjaan cukai	-	-

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai elaun modal yang belum diserap untuk diselaraskan ke atas pendapatan bercukai pada masa hadapan seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Elaun modal yang belum diserap	-	61,964

Harta cukai tertunda tidak diiktiraf untuk item ini kerana kebarangkalian bahawa pendapatan bercukai pada masa hadapan akan diperolehi bagi membolehkan Syarikat mendapat manfaat daripadanya tidak dapat ditentukan.

21. BELIAN LOJI DAN PERALATAN

	2012 RM	2011 RM
Belian loji dan peralatan	-	198,417
Pembiayaan sewa beli	-	(76,990)
Bayaran tunai	-	121,427

22. URUSNIAGA PENTING DENGAN SYARIKAT INDUK

	2012 RM	2011 RM
Yuran pengurusan	-	92,400

23. URUSNIAGA PENTING DENGAN PERBADANA INDUK UTAMA

	2012 RM	2011 RM
Yuran pengurusan	120,000	-

24. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan syarikat adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada syarikat bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai serta meningkatkan pulangan.

(b) Risiko Kadar Faedah

Syarikat mempunyai risiko kadar faedah terhadap pinjaman serta simpanan yang dibuat dengan institusi kewangan yang dibenarkan. Pinjaman dan faedah simpanan adalah berasaskan pada kadar faedah tetap.

Pergerakan kadar faedah di pasaran sentiasa diawasi bagi memastikan kadar faedah yang kompetitif dan pengurusan instrumen kewangan yang efektif.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan syarikat. Syarikat terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap pelbagai penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh jawatankuasa pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kecairan atau risiko pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan untuk memenuhi kontrak termaktub di instrumen kewangan manakala risiko aliran tunai adalah risiko ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen kewangan tunai.

(e) Nilai saksama

Adalah tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama ke atas baki terhutang oleh dan kepada perbadanan induk utama dan syarikat berkaitan adalah disebabkan tidak terdapatnya terma pembayaran balik yang tetap.

Nilai dibawa untuk lain-lain aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira menghampiri nilai saksama masing- masing.

Difailkan oleh:

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
HASIL KENDALIAN		
Yuran pengurusan ke atas penyelenggaraan	225,600	225,600
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Pendapatan faedah	1,123	884
Denda lewat bayar	-	386
Sewa khemah	646	9,986
	1,769	11,256
	227,369	236,856
TOLAK:		
Perbelanjaan operasi (LAMPIRAN I)	(212,926)	(369,587)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	14,443	(132,731)

LAMPIRAN 1

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
TOLAK: KOS KENDALIAN		
Alatulis dan percetakan	585	1,161
Caj bank	142	165
Caruman KWSP & Socso	-	20,305
Faedah sewa beli	3,040	760
Gaji pekerja pentadbiran	-	166,545
Ganjaran pengarah	10,200	5,800
Insuran pekerja	-	5,248
Insuran dan cukai jalan	5,011	1,475
Kebajikan pekerja	-	89
Latihan dan seminar	-	350
Penghantaran khemah dan alatan	230	370
Penyelenggaraan pejabat	-	126
Perbelanjaan perjalanan	12,044	5,828
Perbelanjaan perubatan	-	1,612
Perbelanjaan lain	198	-
Sewa khemah	-	3,600
Sewa pejabat	2,340	2,340
Susutnilai loji dan peralatan	40,416	40,415
Telefon dan pos		
- Pos	1,270	2,888
- Telefon	1,800	2,280
Yuran juruaudit	1,000	2,000
- Yuran audit terlebih peruntuk	-	(1,000)
Yuran kontrak selenggara komputer	1,050	1,230
Yuran setiausaha syarikat	12,000	12,000
Yuran pengurusan kepada perbadanan induk utama	120,000	-
Yuran pengurusan kepada syarikat induk	-	92,400
Yuran perunding cukai	1,600	1,600
	212,926	369,587

SHAMELIN BINA SDN. BHD. (363443 D)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Haji Azumu bin Haji Tak
Haji Ismail bin Muda

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

ALAMAT PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Tetuan A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

BANK

RHB Bank Berhad
Malayan Banking Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah di dalam penjualan produk jualan langsung barangan kesihatan pengguna. Perubahan penting tidak berlaku di dalam tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kerugian tahun semasa	(701,433)

DIVIDEN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan telah dibuat sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas:

Haji Abd Latip bin Haji Md Sa'aid	(Meletak jawatan pada 27/08/2012)
Dr. Haji Arriffin bin Mansor	(Meletak jawatan pada 27/08/2012)
Haji Ismail bin Muda	
Dato' Haji Azumu bin HajiTak	(Dilantik pada 27/08/2012)
Encik Kassim bin Darus	(Dilantik pada 27/08/2012 ; Meletak Jawatan : 05/12/2012)
Hashim bin Omar	(Dilantik pada 27/08/2012 ; Meletak Jawatan : 05/12/2012)

Persaraan dan pelantikan semula para pengarah adalah berasaskan Tataurusan Syarikat.

MANFAAT PARA PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat faedah secara memperolehi saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan) berikutan daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat yang pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tiada seorang pun daripada para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat.

PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pemindahan ketara sama ada keluar daripada atau masuk kepada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan selain dari yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

MODAL SAHAM

Tiada sebarang saham diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

HUTANG RAGU DAN HUTANG LAPUK

Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tindakan untuk menghapuskira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu yang berkaitan telah diambil, dan memastikan segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira serta peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu telah dibuat.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang kemungkinan yang menjadikan amaun yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau amaun yang diperuntukkan bagi hutang ragu bagi Syarikat tidak mencukupi kepada sebarang peringkat yang tinggi.

ASET SEMASA

Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada sebarang aset semasa, selain hutang, nilainya tidak mungkin dapat direalisasikan mengikut cara biasa perniagaan Syarikat seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat malah ada kalanya apabila pasti, telah dicatatkan mengikut amaun yang seharusnya direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang hal yang akan menyebabkan penilaian aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang hal yang timbul yang menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

(i) Sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan liabiliti mana-mana orang atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan Syarikat yang tertimbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, tidak ada sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau yang berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan yang menyusul yang dengan ketaranya akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya pada atau apabila sampai masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang belum diambil kira di dalam laporan ataupun penyata kewangan yang jika keadaan ini wujud boleh menjadikan mana-mana jumlah tercatat di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

BUTIRAN LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat pada akhir tahun kewangan tidak terjejas dengan akibat sebarang perkara, urusan atau kejadian yang penting dan luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak terdapat sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang pada pendapat para pengarah boleh menjejaskan dengan secara ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan A. Razak & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,

HAJI ISMAIL BIN MUDA
Pengarah

DATO' HAJI AZUMU BIN HAJI TAK
Pengarah

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 Mac 2013

KENYATAAN PARA PENGARAH

Menurut Peruntukan Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, DATO' HAJI AZUMU BIN HAJI TAK dan HAJI ISMAIL BIN MUDA dua orang daripada para Pengarah SHAMELIN BINA SDN. BHD., menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 105 hingga 114 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,

HAJI ISMAIL BIN MUDA
Pengarah

DATO' HAJI AZUMU BIN TAK
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 22 Mac 2013

AKUAN BERKANUN

Menurut Peruntukan Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, DATO' HAJI AZUMU BIN HAJI TAK, Pegawai yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHAMELIN BINA SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 105 hingga 114, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan)
sesungguhnya oleh penama)
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan)
pada 22 Mac 2013)

HAJI ISMAIL BIN MUDA

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur.

PESURUHJAYA SUMPAH
W.490
S. ARULSAMY
MALAYSIA

كوڤراسي شملين برجد

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants

51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax: 03-92853870, 92853871
E-mail: arnd@tm.net.my
arazakco@streamyx.com
Website: www.arazaknco.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI SHAMELIN BINA SDN. BHD. (363443 D) (Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Ke Atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan SHAMELIN BINA Sdn. Bhd. merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2012, penyata pendapatan dan penyata perubahan pada ekuiti, penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta lain-lain nota yang dibentangkan di muka surat 105 hingga 114.

Tanggungjawab Pengarah Ke Atas Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyata yang ketara sama ada daripada penipuan atau kesilapan; memilih dan melaksanakan prinsip-prinsip perakaunan yang bersesuaian; dan menyediakan anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah dalam sesuatu perkara.

Tanggungjawab Juruaudit

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan yang bebas, berdasarkan audit yang dijalankan ke atas penyata kewangan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu pengauditan meliputi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dikenalpasti adalah bergantung kepada penilaian kami termasuk penilaian ke atas risiko salahnyata penyata kewangan yang ketara sama ada kesan daripada penipuan atau kesilapan. Ketika penyediaan penilaian risiko, kami memberi pertimbangan ke atas kawalan dalaman yang bersesuaian untuk penyediaan dan persembahan penyata kewangan syarikat untuk menyediakan prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan tetapi bukan bertujuan untuk memberi pandangan ke atas keberkesanan kawalan dalaman syarikat. Pengauditan juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip penyata kewangan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengarah-Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah untuk kami memberikan pendapat.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan syarikat pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Penekanan isu


Tanpa mensyaratkan pandangan kami, kami mengarahkan perhatian kepada nota 2 di dalam penyata kewangan yang menyatakan syarikat telah menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usaha berterusan kerana pada 31 Disember 2012, dana pemegang saham syarikat adalah dalam keadaan negatif RM2,449,995 dan liabiliti semasa syarikat melebihi asset semasanya sebanyak RM2,585,239 yang mana ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian material yang mungkin memberi kesan terhadap keupayaan syarikat untuk meneruskan operasinya.

Laporan Ke Atas Lain-Lain Perundangan Dan Keperluan Ketetapan


Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia kami melaporkan bahawa pada pandangan kami penyata kewangan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Penyata ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham syarikat, sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO.
No. : AF 0842
Akauntan - akauntan Bertauliah



ABD. RAZAK BIN HAJI NAZAH DIN
1522/03/14(J/PH)
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia.
Tarikh : 22 Mac 2013

LEMBARAN IMBANGANA PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
ASET			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	5	135,244	263,942
Aset Semasa			
Inventori	6	64,995	171,353
Penghutang perniagaan	7	1,313	1,313
Pelbagai penghutang	8	79,383	79,383
Cukai terlebih bayar		-	14,796
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	9	59,474	59,474
Wang di bank dan di tangan		95,180	334,976
		300,345	661,295
JUMLAH ASET		435,589	925,237
EKUITI DAN LIABILITI			
Modal saham	10	1,000,000	1,000,000
Kerugian terkumpul		(3,449,995)	(2,755,049)
Jumlah ekuiti		(2,449,995)	(1,755,049)
Liabiliti Semasa			
Pemiutang perniagaan	11	819,280	422,741
Pelbagai pemiutang	12	381,754	719,712
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	8	370,930	524,213
Jumlah terhutang kepada perbadanan induk	13	1,313,620	1,013,620
Jumlah liabiliti		2,885,584	2,680,286
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		435,589	925,237

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
Hasil kendalian	14	332,916	6,589,986
Kos kendalian		(357,041)	(7,927,912)
Rugi kasar		(24,125)	(1,337,926)
Kos pemasaran		(19,092)	(6,490)
Perbelanjaan operasi		(490,565)	(957,746)
Lain -lain perbelanjaan		(167,651)	(454,531)
Kerugian dari operasi	15	(701,433)	(2,756,693)
Cukai	16	-	-
Kerugian tahun semasa		(701,433)	(2,756,693)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Modal Saham RM	(Kerugian) / Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2011	1,000,000	1,644	1,001,644
Keuntungan tahun semasa	-	(2,756,693)	(2,756,693)
Baki pada 31 Disember 2011	1,000,000	(2,755,049)	(1,755,049)
Kerugian tahun semasa	-	(701,433)	(701,433)
Pelarasan tahun semasa	-	6,487	6,487
Baki pada 31 Disember 2012	1,000,000	(3,449,995)	(3,449,995)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Kerugian sebelum cukai	(701,433)	(2,756,693)
Pelarasan ke atas:		
Susutnilai loji dan peralatan	128,698	118,644
Pelarasan tahun lepas	6,487	-
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(566,248)	(2,638,049)
Penurunan/(Penambahan) penghutang perniagaan	-	599,150
Penurunaninventori	106,358	248,247
Penambahan pemiutang perniagaan	396,539	24,440
(Pengurangan)/Penambahan pelbagai pemiutang	(337,958)	604,870
(Pengurangan)/Penambahan dalam jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	(153,283)	155,570
Penambahan dalam jumlah terhutang kepada koperasi induk	300,000	1,013,620
Aliran bersih tunai diperolehi dari/(digunakan untuk) /aktiviti operasi	(254,592)	7,848
Cukai dipulangkan	14,796	-
	(239,796)	7,848
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian loji dan peralatan	-	-
Pendapatan faedah	-	-
Aliran bersih tunai digunakan untuk aktiviti pelaburan	-	-
PENAMBAHAN/(PENURUNAN) BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	(239,796)	7,848
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	334,976	327,128
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	95,180	334,976

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah di dalam penjualan produk jualan langsung barangan kesihatan pengguna. Perubahan penting tidak berlaku di dalam tahun kewangan ini.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diisu oleh Lembaga Pengarah sejajar dengan Resolusi Pengarah pada 22 Mac 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

3. POLISI PERAKAUNAN

(a) Loji dan peralatan

Loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos sejarah tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garisan lurus berasaskan usia guna tersebut pada kadar berikut :-

Kelengkapan kedai	20%
Kelengkapan pameran	20%
Perabot	20%
Peralatan pejabat	20%
Komputer	20%

(b) Inventori

Inventori terdiri daripada produk jualan langsung seperti barangan kesihatan pengguna, dan produk-produk berkaitan. Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran mengikut kaedah masuk dulu, keluar dulu.

(c) Rosotnilai harta

Hartanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

(d) Pengiktirafan pendapatan

i) Jualan barangan minuman kesihatan

Hasil kendalian merupakan nilai produk jualan langsung bagi barangan kesihatan yang diiktiraf secara tunai apabila produk dijual.

ii) Hibah atas simpanan tetap

Hibah atas simpanan tetap diiktiraf mengikut asas akruan.

iii) Keuntungan atas jumlah terhutang oleh koperasi induk

Keuntungan atas jumlah terhutang oleh koperasi induk diiktiraf mengikut asas akruan.

iv) Keuntungan dari pelaburan

Keuntungan dari pelaburan diiktiraf mengikut asas akruan.

(e) Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah laibiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

(f) Penyata Aliran Tunai

Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunainya.

Tunai dan persamaan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank yang sedia ada untuk ditukarkan kepada jumlah tunai yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(g) Instrumen kewangan

i) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

ii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

iii) Modal saham

Saham biasa adalah dikategorikan sebagai ekuiti.

iv) Anggaran nilai saksama

Nilai saksama untuk harta dan tanggungan kewangan adalah bersamaan dengan nilai bawaannya.

(h) Manfaat Pekerja Syarikat

i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja syarikat.

ii) Pelan caruman yang ditetapkan

Caruman Syarikat kepada pelan caruman yang ditetapkan adalah dicaj ke penyata pendapatan apabila dibelanjakan.

4. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan syarikat terdedah kepada pelbagai risiko kewangan. Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham.

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan risiko kewangan syarikat. Ahli Lembaga Koperasi sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

i) Risiko kecairan dan aliran tunai

Syarikat mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan tanggungan kewangan.

ii) Risiko kadar faedah

Pelaburan dalam harta kewangan adalah untuk jangka pendek dan tidak digunakan untuk tujuan spekulasi tetapi disimpan sebagai deposit tetap yang memberi perolehan yang lebih baik dari tunai di bank.

5. LOJI DAN PERALATAN

KOS	Kelengkapan kedai RM	Kelengkapan pameran RM	Perabot RM	Peralatan Pejabat RM	Komputer RM	Kos Penguba hsuaian RM	Jumlah RM
Baki pada 1.1.2012	4,365	7,976	91,754	120,437	351,161	29,870	605,563
Tambahan	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31.12.2012	4,365	7,976	91,754	120,437	351,161	29,870	605,563
SUSUTNILAI TERKUMPUL							
Baki pada 1.1.2012	4,365	7,976	67,989	70,452	168,447	22,392	341,621
Pertambahan	-	-	18,743	26,245	77,736	5,974	128,698
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31.12.2012	4,365	7,976	86,732	96,697	246,183	28,366	470,319
NILAI BUKU BERSIH							
Pada 31.12.2012	-	-	5,022	23,740	104,978	1,504	135,244
Pada 31.12.2011	-	-	23,765	49,985	182,714	7,478	263,942
Susutnilai tahun 2011	-	-	18,351	24,087	70,232	5,974	118,644

6. INVENTORI

	2012 RM	2011 RM
Pada kos:		
Barangan kesihatan	64,995	171,353

7. PENGHUTANG PERNIAGAAN

Tempoh bayaran bagi penghutang perdagangan adalah dalam jangkamasa 30 hingga 90 hari.

8. PELBAGAI PENGHUTANG

	2012 RM	2011 RM
Deposit	54,125	54,125
Pelbagai penghutang	18,587	18,587
Prabayar	6,671	6,671
	79,383	79,383

9. JUMLAH TERHUTANG OLEH/KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Jumlah terhutang ini tidak dikenakan sebarang faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

10. MODAL SAHAM

	2012 RM	2011 R M
DIBENARKAN:		
1,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	1,000,000	1,000,000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR SEPENUHNYA		
1,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	1,000,000	1,000,000

11. PEMIUTANG PERNIAGAAN

Terma-terma kredit normal yang diberikan kepada syarikat adalah 90 hari.

12. PELBAGAI PEMIUTANG

	2012 RM	2011 RM
Pelbagai pemiutang	381,754	719,712

13. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PERBADANAN INDUK

Perbadanan induk adalah Koperasi Shamelin Berhad, sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi, 1993.

Jumlah terhutang ini tidak dikenakan sebarang faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

14. HASIL KENDALIAN

Hasil jualan berdasarkan senarai resit jualan oleh ahli-ahli jualan langsung yang direkod dan dikemaskini melalui perisian komputer syarikat.

15. KERUGIAN DARI OPERASI

Kerugian dari operasi:

	2012 RM	2011 RM
Selepas ditolak:		
Sewa premis	162,468	162,468
Elaun lembaga pengarah	13,000	67,199
Yuran juruaudit	2,000	2,000
Susutnilai harta tetap	128,698	118,644
Kos pekerja – Manfaat jangka pendek	202,124	511,331
- Caruman KWSP	37,999	69,150
Bilangan Kakitangan	-	11

16. CUKAI

	2012 RM	2011 RM
Terlebih peruntukan tahun lalu	-	-

Penyata penyesuaian cukai dibuat ke atas(kerugian)/keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai berkanun dengan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Kerugian sebelum cukai	(701,433)	(2,756,693)
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia:		
- sehingga RM500,000 pada kadar 20%	(140,287)	(551,339)
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai		23,729
Penggunaan elaun modal	-	-
Penggunaan elaun kerugian bawa hadapan	140,287	527,610
Kurangan/(lebihan) peruntukan tahun lalu	-	-
Pendapatan perbelanjaan cukai	-	-

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai elaun modal yang belum diserap untuk diselaraskan ke atas pendapatan bercukai pada masa hadapan seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Elaun modal yang belum diserap	-	-
Kerugian perniagaan yang belum digunakan	-	-
	-	-

Harta cukai tertunda tidak diiktiraf untuk item ini kerana kebarangkalian bahawa pendapatan bercukai pada masa hadapan akan diperolehi bagi membolehkan Syarikat mendapat manfaat daripadanya tidak dapat ditentukan.

Difailkan oleh:

Shamelin Bina Sdn. Bhd.
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

Tel. No.: 03 -9200 2155

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
HASIL KENDALIAN	332,916	6,589,986
TOLAK: KOS KENDALIAN		
Inventori awal	171,353	419,600
Belian	22,604	4,382,525
Inventori akhir	(64,995)	(171,353)
	128,962	4,630,772
Yuran perunding	2,360	13,318
Percetakan dan pengiklanan	2,349	233,988
Lain -lain kos kendalian (Lampiran I)	223,370	3,049,834
	357,041	7,927,912
RUGI KASAR	(24,125)	(1,337,926)
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Pendapatan faedah	-	-
TOLAK:		
Perbelanjaan penjualan dan pemasaran (Lampiran II)	19,092	6,490
Perbelanjaan pentadbiran (Lampiran II)	490,565	957,746
Perbelanjaan operasi (Lampiran II)	167,651	454,531
	677,308	1,418,767
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	(701,433)	(2,756,693)

LAMPIRAN I

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
LAIN -LAIN KOS KENDALIAN		
Komisen pengedar	110,399	2,338,583
Belanja urus acara	-	89,241
Belanja pos dan penghantaran cepat	46,467	431,844
Keraian dan tuntutan belanja	5,923	9,661
Konvensy en dan majlis utama	-	23,910
Pendaftaran dan lesen	10,140	-
Perbelanjaan promosi	13,663	-
Penyelenggaraan perisian	20,800	67,100
Penginapan dan perjalanan	15,478	36,991
Seminar latihan dan pembangunan	500	-
Yuran duta	-	52,504
	223,370	3,049,834

LAMPIRAN II

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
PERBELANJAAN PENJUALAN DAN PEMASARAN		
Perbelanjaan perjalanan	19,092	6,490
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		
Alatulis dan percetakan	8,444	12,800
Elaun lembaga pengarah	13,000	67,199
Elektrik dan air	30,206	33,372
Faedah penamatan pekerja	34,783	-
Telefon	12,984	31,039
Sewa premis	162,468	162,468
Surat khabar dan majalah	467	-
Insuran pekerja	(19,122)	30,268
Penyelanggaraan komputer	1,872	23,545
Gaji pekerja	202,124	511,331
KWSP dan SOCSO	37,999	69,150
Belanja penyelenggaraan pejabat	2,778	14,069
Kebajikan pekerja	402	-
Perbelanjaan perubatan	2,160	2,505
	490,565	957,746
PERBELANJAAN OPERASI		
Bayaran kesetiausahaan	5,850	5,400
Belanja bank	1,159	7,761
Bayaran kad kredit	6,942	-
Denda dan penalti	94	1,615
Pelbagai belanja pengurusan	-	314,866
Susutnilai harta tetap	128,698	118,644
Yuran pemfailan	155	-
Yuran p rofesional	1,000	1,200
Yuran guaman	7,625	-
Yuran juruaudit		
- semasa	2,000	2,000
- tahun lepas	(2,000)	2,000
Yuran perunding	16,128	-
Yuran percukaian	-	1,045
	167,651	454,531

SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. (361477 U)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Haji Kamarudin bin Md Noor
Hajah Zainab bt Haji Abu

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

ALAMAT PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Tetuan A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

BANK

RHB Bank Berhad

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai pembekal bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan binaan. Syarikat telah memberhentikan operasinya semenjak tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Keuntungan tahun semasa	14,220

DIVIDEN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan telah dibuat sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas :

Haji Kamarudin bin Md Noor
Hajah Zainab bt Haji Abu

Persaraan dan pelantikan semula para pengarah adalah berasaskan Tataurusan Syarikat.

MANFAAT PARA PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang urusan melibatkan Syarikat, yang bertujuan atau mempunyai tujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat faedah secara memperolehi saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah telah menerima atau layak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang dilaporkan di dalam Penyata Kewangan) berikutan daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat yang pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tiada seorang pun daripada para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan dalam bentuk saham biasa Syarikat.

PERBADANAN INDUK UTAMA DAN SYARIKAT INDUK

Syarikat induk ialah Gemar Kurnia Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan perbadanan induk utama ialah Koperasi Shamelin Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pemindahan ketara sama ada keluar daripada atau masuk kepada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan selain dari yang ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

MODAL SAHAM

Tiada sebarang saham diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

PEMBERIAN OPSYEN KE ATAS SAHAM YANG BELUM DITERBITKAN

Sepanjang tahun ini, tiada opsyen telah diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan.

HUTANG RAGU DAN HUTANG LAPUK

Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa tindakan untuk menghapuskira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu yang berkaitan telah diambil, dan memastikan segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira serta peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu telah dibuat.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang kemungkinan yang menjadikan amaun yang dihapuskira bagi hutang lapuk atau amaun yang diperuntukkan bagi hutang ragu bagi Syarikat tidak mencukupi kepada sebarang peringkat yang tinggi.

ASET SEMASA

Sebelum Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada sebarang aset semasa, selain hutang, nilainya tidak mungkin dapat direalisasikan mengikut cara biasa perniagaan Syarikat seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat malah ada kalanya apabila pasti, telah dicatatkan mengikut amaun yang seharusnya direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak menyedari sebarang hal yang akan menyebabkan penilaian aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang hal yang timbul yang menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

LIABILITI LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

(i) Sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan dan liabiliti mana-mana orang atau
(ii) sebarang liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan Syarikat yang tertimbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, tidak ada sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau yang berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan yang menyusul yang dengan ketaranya akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya pada atau apabila sampai masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang belum diambil kira di dalam laporan ataupun penyata kewangan yang jika keadaan ini wujud boleh menjadikan mana-mana jumlah tercatat di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

BUTIRAN LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat pada akhir tahun kewangan tidak terjejas dengan akibat sebarang perkara, urusan atau kejadian yang penting dan luar biasa.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak terdapat sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang pada pendapat para pengarah boleh menjejaskan dengan secara ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan berikutnya.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan A. Razak & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,

HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR
Pengarah

HAJAH ZAINAB BT HAJI ABU
Pengarah

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 Mac 2013

KENYATAAN PARA PENGARAH
Menurut Peruntukan Seksyen 169(15) Akta Syarikat 1965

Kami, HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR dan HAJAH ZAINAB BT HJ ABU, dua orang daripada para Pengarah SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD., menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 122 hingga 127 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2012 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut sejajar dengan piawaian perAkaunan yang diluluskan di Malaysia serta peruntukan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani menurut resolusi Lembaga Pengarah,

HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR
Pengarah

HAJAH ZAINAB BT HAJI ABU
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh : 22 Mac 2013

AKUAN BERKANUN
Menurut Peruntukan Seksyen 169(16) Akta Syarikat 1965

Saya, HJ KAMARUDIN BIN MD NOOR, Pegawai yang terutama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. dengan ikhlasnya mengaku bahawa penyata-penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 122 hingga 127, pada pendapat saya, benar dan saya membuat akuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan)
sesungguhnya oleh penama)
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan)
pada 22 Mac 2013)

HAJI KAMARUDIN BIN MD NOOR

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur.

PESURUHJAYA SUMPAH
W.490
S. ARULSAMY
MALAYSIA

A. RAZAK & CO. (AF 0842) Chartered Accountants

51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-92829032 (Hunting Line)
92819844, 92812044, 92859768
Fax: 03-92853870, 92853871
E-mail: arnd@tm.net.my
arazakco@streamyx.com
Website: www.arazaknco.com

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN. BHD. (361477 U)
(Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Ke Atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan SHAMELIN BUILDING MATERIALS Sdn. Bhd. merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2012, penyata pendapatan dan penyata perubahan pada ekuiti, penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta lain-lain nota yang dibentangkan di muka surat 122 hingga 127.

Tanggungjawab Pengarah Ke Atas Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat bertanggungjawab atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan atas penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyata yang ketara sama ada daripada penipuan atau kesilapan; memilih dan melaksanakan prinsip-prinsip perakaunan yang bersesuaian; dan menyediakan anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah dalam sesuatu perkara.

Tanggungjawab Juruaudit

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan yang bebas, berdasarkan audit yang dijalankan ke atas penyata kewangan. Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian-Piawaian Audit berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian itu memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata-penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu pengauditan meliputi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan penyataan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dikenalpasti adalah bergantung kepada penilaian kami termasuk penilaian ke atas risiko salahnyata penyata kewangan yang ketara sama ada kesan daripada penipuan atau kesilapan. Ketika penyediaan penilaian risiko, kami memberi pertimbangan ke atas kawalan dalaman yang bersesuaian untuk penyediaan dan persembahan penyata kewangan syarikat untuk menyediakan prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan tetapi bukan bertujuan untuk memberi pandangan ke atas keberkesanan kawalan dalaman syarikat. Pengauditan juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip penyata kewangan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengarah-Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang munasabah untuk kami memberikan pendapat.

Pendapat Bersyarat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (Private Entity Reporting Standards) dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan syarikat pada 31 Disember 2012 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Penekanan isu


*T*anpa mensyaratkan pandangan kami, kami mengarahkan perhatian kepada nota 2 di dalam penyata kewangan yang menyatakan syarikat telah menyediakan penyata kewangan berdasarkan andaian usaha berterusan walaupun syarikat telah mengalami keuntungan sebanyak RM14,220 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, dan setakat tarikh tersebut, dana pemegang saham syarikat adalah dalam keadaan negatif dan liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasanya sebanyak RM296,697 yang mana ini menunjukkan wujudnya ketidakpastian material yang mungkin memberi kesan terhadap keupayaan syarikat untuk meneruskan operasinya.

Laporan Ke Atas Lain-Lain Perundangan Dan Keperluan Ketetapan

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia kami melaporkan bahawa pada pandangan kami penyata kewangan dan rekod-rekod lain dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta disimpan oleh Syarikat disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Lain-Lain Perkara

Penyata ini disediakan hanya untuk pemegang-pemegang saham syarikat, sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



A. RAZAK & CO.
No. : AF 0842
Akauntan- akauntan Bertauliah



ABD. RAZAK BIN HAJI NAZAH DIN
1522/03/14(J/PH)
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia.
Tarikh : 22 Mac 2013

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai di tangan dan di bank		34,339	19,339
JUMLAH ASET		34,339	19,339
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti boleh diagih kepada pemegang ekuiti syarikat			
Modal saham	4	150,000	150,000
Kerugian terkumpul		(446,697)	(460,917)
Ekuiti pemegang saham		(296,697)	(310,917)
Liabiliti Semasa			
Pelbagai pemiutang	5	500	500
Terhutang kepada syarikat berkaitan	6	310,536	17,442
Terhutang kepada induk utama	7	20,000	20,000
Terhutang kepada syarikat induk	8	-	292,314
		331,036	330,256
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		34,339	19,339

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	NOTA	2012 RM	2011 RM
Pendapatan		-	-
Lain -lain pendapatan		15,000	-
Perbelanjaan pentadbiran		(780)	(770)
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	9	14,220	(770)
Cukai	10	-	-
Keuntungan/(kerugian) tahun semasa		14,220	(770)

PENYATA PERUBAHAN PADA EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Modal Saham RM	Kerugian Terkumpul RM	Juml ah RM
Pada 1 Januari 2011	150,000	(460,147)	(310,147)
Kerugian tahun semasa	-	(770)	(770)
Baki pada 31 Disember 2011	150,000	(460,917)	(310,917)
Keuntungan tahun semasa	-	14,220	14,220
Baki pada 31 Disember 2012	150,000	(446,697)	(296,697)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	14,220	(770)
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	14,220	(770)
Penambahan dalam terhutang kepada syarikat berkaitan	293,094	-
(Penurunan)/penambahan dalam terhutang kepada syarikat induk	(292,314)	760
Aliran masuk/(keluar) tunai bersih dari aktiviti operasi	15,000	(10)
PENAMBAHAN/(PENURUNAN) BERSIH DI DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	15,000	(10)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN	19,349	19,349
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	34,339	19,339

NOTA KEPADA AKAUN - 31 DISEMBER 2012

1. MAKLUMAT KORPORAT

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, ditubuhkan dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar syarikat ialah di 38-6-5, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai pembekal bahan-bahan dan kelengkapan-kelengkapan binaan. Syarikat telah memberhentikan operasinya semenjak tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Ahli Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan penyata kewangan pada 22 Mac 2013.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan dan diterima pakai di Malaysia dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

Pada 31 Disember 2012, Syarikat mempunyai tanggungan semasa bersih dan kurangan dalam ekuiti pemegang saham masing-masing sebanyak RM296,697 (2011: RM310,917). Kebolehan Syarikat untuk meneruskan operasinya adalah tertakluk kepada sokongan kewangan berterusan daripada syarikat induk dan koperasi induk utama.

3. POLISI PERAKAUNAN

(a) Loji dan peralatan

Loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos sejarah tolak susutnilai terkumpul. Susutnilai loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garisan lurus berasaskan usia guna tersebut pada kadar berikut :-

Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan pejabat	20%

(b) Penghutang

Hutang-hutang yang dianggap tidak dapat dikutip telah dihapuskan manakala peruntukan dibuat ke atas hutang-hutang yang diragukan.

(c) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana nilai saksama ganjaran perlu di bayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(d) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai meliputi tunai dan baki di bank.

(e) Cukai

Peruntukan cukai akan dibuat berdasarkan kepada cukai yang dianggarkan akan dikenakan ke atas keuntungan yang diselaraskan untuk menentukan pendapatan bercukai dan setelah ditolak elaun modal yang belum digunakan dan jumlah kerugian cukai yang dibenarkan. Cukai tertunda yang diperuntukan mengikut kaedah tanggungan dibuat untuk cukai yang ditunda disebabkan perbezaan masa kecuali di mana dapat dijangkakan bahawa perbezaan masa ini akan berlanjutan di masa hadapan.

(f) Kemerosotan nilai aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan samada terdapat tanda-tanda kemerosotan. Jikalau wujud tanda-tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperolehi dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

(g) Manfaat Pekerja Syarikat

i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja syarikat.

ii) Pelan caruman yang ditetapkan

Caruman Syarikat kepada pelan caruman yang ditetapkan adalah dicaj ke penyata pendapatan apabila dibelanjakan.

4. MODAL SAHAM

	2012 RM	2011 RM
DIBENARKAN:		
1,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	1,000,000	1,000,000
DITERBITKAN DAN DIBAYAR SEPENUHNYA		
150,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu	150,000	150,000

5. PELBAGAI PEMIUTANG

	2012 RM	2011 RM
Akruan	500	500

6. HUTANG KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Hutang kepada syarikat berkaitan merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

7. HUTANG KEPADA BADAN INDUK UTAMA

Hutang kepada perbadanan induk, Koperasi Shamelin Berhad merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

8. HUTANG KEPADA SYARIKAT INDUK

Hutang kepada syarikat induk, Gemar Kurnia Sdn. Bhd. (2011: KSB Hartanah Sdn. Bhd.) merupakan baki yang wujud dalam urusan biasa perniagaan. Hutang ini tidak melibatkan sebarang faedah dan skim pembayaran semula tidak ditetapkan.

9. KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

Perkara-perkara berikut telah dicaj bagi mendapatkan keuntungan/(kerugian) dari operasi:-

	2012 RM	2011 RM
Hutang lapuk pulih	(15,000)	-
Yuran juruaudit	500	500

10. CUKAI

	2012 RM	2011 RM
Peruntukan cukai tahun semasa	-	-

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan cukai atas kerugian daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	14,220	(770)
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia 20%	2,844	(154)
Perbelanjaan tidak dibenarkan bagi tujuan cukai	30	154
Penggunaan elaun kerugian	(2,874)	-
	-	-

11. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Objektif Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan syarikat adalah untuk mengenal pasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada syarikat bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai serta meningkatkan pulangan.

(b) Risiko Kadar Faedah

Syarikat mempunyai risiko kadar faedah terhadap pinjaman serta simpanan yang dibuat dengan institusi kewangan yang dibenarkan. Pinjaman dan faedah simpanan adalah berasaskan pada kadar faedah tetap.

Pergerakan kadar faedah di pasaran sentiasa diawasi bagi memastikan kadar faedah yang kompetitif dan pengurusan instrumen kewangan yang efektif.

(c) Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan syarikat. Syarikat terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap pelbagai penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh jawatankuasa pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kecairan atau risiko pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan untuk memenuhi kontrak termaktub di instrumen kewangan manakala risiko aliran tunai adalah risiko ketidaktentuan aliran tunai masa hadapan yang berkaitan dengan instrumen kewangan tunai.

(e) Nilai saksama

Adalah tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama ke atas baki terhutang kepada induk utama, syarikat induk dan syarikat berkaitan adalah disebabkan tidak terdapatnya terma pembayaran balik yang tetap.

Nilai dibawa untuk lain-lain aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh lembaran kewangan menghampiri nilai saksama masing- masing.

Difailkan oleh:

Shamelin Building Materials Sdn Bhd
38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

Tel: 03-9285 2155

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
PENDAPATAN	-	-
Tambah: Hutang lapuk pulih	15,000	-
	15,000	-
Tolak: Perbelanjaan Operasi		
Yuran juruaudit	500	500
Percetakan dan alatulis	130	110
Yuran pemfailan	150	150
Caj bank	-	10
	780	770
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI	14,220	(770)

SYARIKAT SAMUDERA EMAS SDN. BHD. (19705 K)
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman
Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan

SETIAUSAHA SYARIKAT

Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

ALAMAT PERNIAGAAN

38-6-5, Shamelin Business Centre
No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Tetuan A. Razak & Co. (AF 0842)
Chartered Accountants
51-D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan serta penyata-penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

AKTIVITI UTAMA

Syarikat telah ditubuhkan pada 3 Ogos 1974 dan masih belum memulakan operasinya. Syarikat bercadang untuk menjalankan aktiviti pengilangan beras.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kerugian tahun semasa	(780)

DIVIDEN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan telah dibuat sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan.

LEMBAGA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat untuk Syarikat sejak tarikh laporan kewangan yang lepas :

Dr Haji Arriffin bin Mansor	(Meletak jawatan pada 12.11.2012)
Haji A. Rahim bin A. Latib	(Meletak jawatan pada 12.11.2012)
Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali	(Meletak jawatan pada 12.11.2012)
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	(Dilantik pada 12.11.2012)
Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	(Dilantik pada 12.11.2012)

